

12 APR 2002

Mahathir-Darjah (Bergambar)

DR MAHATHIR DIKURNIAKAN DK OLEH SULTAN KELANTAN

KOTA BAHARU, 12 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini dikurniakan Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati (DK) oleh Sultan Kelantan pada istiadat di Istana Balai Besar di sini.

Pengurniaan DK itu bersempena ulang tahun ke-52 keputeraan Sultan Kelantan yang disambut pada 30 Mac lepas.

Perdana Menteri yang ditemani isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali kini dalam rangka lawatan sehari ke negeri ini.

Yang turut hadir pada majlis istiadat itu ialah Raja Perempuan Kelantan, Tengku Mahkota Kelantan, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed, Menteri Pertahanan Datuk Seri Mohd Najib Razak dan Menteri Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Semasa bertitah pada istiadat itu, baginda mengucapkan terima kasih kepada kerajaan persekutuan yang telah memperuntukkan jumlah yang agak besar dalam Rancangan Malaysia Kelapan untuk negeri ini.

"Satu kenyataan yang tidak boleh dinafikan lagi bahawa kekurangan infrastruktur dan kemudahan awam yang lengkap dan bersepadu menjadi faktor utama yang menyumbang kepada kemunduran dan ketinggalan sesebuah negeri dan negara," titah baginda.

Baginda yakin dengan komitmen yang tinggi daripada kerajaan persekutuan menyediakan kemudahan infrastruktur seperti bangunan terminal baru Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di Pengkalan Chepa, Jalan Blau-Lojing, Jalan Pesisir Pantai dan jambatan-jambatan, Kelantan akan dapat bersama dalam arus perdana pembangunan negara.

Baginda bersyukur kerana negara dan negeri ini terus berada dalam keamanan dan kesejahteraan.

"Keamanan dan keselamatan yang dinikmati ini bukan datang secara kebetulan tetapi melalui usaha dan kerja keras yang tidak kenal jerih dengan mendapat keizinan daripada Allah," titah baginda.

Baginda menyeru kepada semua pihak agar jangan memusnahkan keamanan dan keselamatan negara dan negeri ini dengan melakukan perkara yang berlawanan dengan nilai-nilai murni masyarakat dan undang-undang.

-- BERNAMA

BD NMO